

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 OGOS 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Two Langkawi school students crowned National Water Rocket Champions	BERNAMA
2.	6,000 Standard Malaysia dibangunkan pastikan perkhidmatan, produk berkualiti	BERNAMA
3.	Standards Malaysia capai pelbagai kejayaan dalam dua dekad	BERNAMA
4.	Gempa bumi kuat di New Ireland Region	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 OGOS 2016 (RABU)



Two Langkawi School Students Crowned National Water Rocket Champions

KUALA LUMPUR, Aug 30 (Bernama) -- Two students of Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Langkawi, Pulau Tuba today emerged winners of the 2016 National Water Rocket Championship held here.

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, Rohizad Zarain, 15, and their teacher, Mohd Jazrinizad Jamaludin received a trophy, Celestron Nexstar 4SE telescope and RM1,500 cash from **Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** today.

Madius in his speech when closing the championship said as champions, the two students would be representing Malaysia in the Asia Pacific Water Rocket event held in conjunction with the 23rd Asia-Pacific Regional Space Agency Forum in Laguna, the Philippines in November.

He hopes that Khairul Ikmal Hakim and Rohizad would repeat the success of Malaysia at the international level competition in 2014.

"I hope for a similar success this year. All the best to the two boys for bringing honours to Malaysia in the international arena."

Two years ago, Malaysia represented by Nor Hafizi Shaharudin, 16, of Kolej Vokasional Slim River, Perak, and three participants, emerged champions in the contest in Funabashi, Japan.

Madius believed the organising of such events could boost the interest of students in Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).

"I am confident the champions will contribute to an increase in the percentage of students in STEM throughout the country," he said.

The four-day competition which began on Aug 27 was a joint effort of the National Space Agency (Angkasa), Education Ministry and Universiti Malaya.

The championship involved 40 participants and 19 teachers from 15 secondary schools and four MARA Junior Science Colleges.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 OGOS 2016 (RABU)



6,000 Standard Malaysia Dibangunkan Pastikan Perkhidmatan, Produk Berkualiti

MELAKA, (Bernama) -- Sebanyak 6,000 Standard Malaysia (MS) telah dibangunkan dalam pelbagai industri oleh Jabatan Standard Malaysia bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan berkualiti.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pembangunan MS itu meliputi pelbagai bidang termasuk barang elektrik, makanan, perkhidmatan dan barang halal.

Beliau berkata pembangunan MS itu secara tidak langsung menggalakkan perluasan perdagangan produk dan perkhidmatan industri tempatan, sekali gus dapat menembusi pasaran luar negara.

"Secara umumnya peranan dijalankan Jabatan Standard Malaysia banyak kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Pembangunan MS yang dijalankan menunjukkan standard atau perakuan kualiti sesuatu produk atau perkhidmatan mencapai standard ditetapkan.

"Dengan adanya standard, kualiti kesihatan, keselamatan, kebajikan rakyat dan alam sekitar akan lebih terjamin. Bagi sektor industri pula, pematuhan pada standard akan meningkatkan kecekapan dan daya saing industri di peringkat domestik dan global," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kesedaran Standard di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Mosti Kua Abun, Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia Tan Sri Mustafa Mansur dan Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia Datuk Fadilah Baharin.

Abu Bakar berkata Jabatan Standard Malaysia adalah badan standard dan akreditasi kebangsaan yang memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan melalui aktiviti standardisasi dan perkhidmatan akreditasi berwibawa bagi peningkatan daya saing global.

Beliau berkata sebanyak 800 makmal pengujian dan 30 badan pensijilan telah menerima pengiktirafan akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia.

Katanya antara badan pensijilan yang menerima pengiktirafan MS termasuk SIRIM QAS International Sdn Bhd, Intertek Certification International Sdn Bhd, SGS (Malaysia) Sdn Bhd dan CI International Certification Sdn Bhd.

Beliau berkata Program Kesedaran Standard merupakan platform untuk rakyat berinteraksi secara terus dan menyuarakan pandangan mereka tentang isu berkaitan standard dan ia akan diperluaskan di seluruh negara secara berperingkat.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 OGOS 2016 (RABU)



Standards Malaysia Capai Pelbagai Kejayaan Dalam Dua Dekad

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- **Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)** mencatat pelbagai kejayaan dalam aktiviti penstandardan dan akreditasi yang dapat menjadikan rakyat Malaysia peka terhadap kualiti untuk kehidupan yang lebih baik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata sejak dua dekad, Standards Malaysia terus menyumbang terhadap infrastruktur berkualiti dengan membangunkan standard dalam pelbagai sektor.

"Jabatan juga aktif menyebarluaskan penggunaan standard melalui Program Pematuhan Standard. Standards Malaysia juga menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada industri," katanya dalam satu kenyataan.

Standards Malaysia, yang menyambut ulang tahun ke-20 hari ini, telah berjaya membangunkan lebih 6,000 standard Malaysia dengan cemerlang dalam 25 sektor yang berbeza, termasuk halal dan pertanian.

Ia juga telah memberi akreditasi kepada lebih 650 makmal, 29 badan pensijilan dan 11 badan-badan pemeriksaan di seluruh negara.

Madius berkata peranan Standards Malaysia juga diberi perhatian khusus oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

"Standards Malaysia menerajui Komponen Standard Inisiatif Pembaharuan Strategik - Standard Persaingan Liberalisasi (SRI-CSL) di bawah Program Transformasi Ekonomi," katanya.

Beliau berkata dengan pemeteraian Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, peranan Standards Malaysia juga semakin penting.

"Seperti yang semua tahu, bagi industri mendapat akses pasaran yang lebih luas, terutama perusahaan kecil dan sederhana, pematuhan standards merupakan satu keperluan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Standards Malaysia Datuk Fadilah Baharin berkata jabatan telah berkembang dan akan terus mengubah landskap perniagaan negara dengan mewujudkan dan menginsanakan budaya kualiti dalam kalangan pengeluar dan pengguna.

"Kami telah membangunkan standard untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia menggunakan pakainya untuk pemasaran produk dan perkhidmatan mereka dengan lebih baik di peringkat antarabangsa.

"Kami telah terlibat dengan orang ramai, terutama golongan belia negara melalui pelbagai program dan platform, untuk meningkatkan kesedaran dan mementingkan kualiti semasa membeli," katanya.

Beberapa aktiviti akan diadakan sepanjang tahun ini bersempena dengan ulang tahun ke-20 Standards Malaysia termasuk Program Kesedaran Standard hari ini dan pelancaran buku ulang tahun ke-20 pada November.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 31 OGOS 2016 (RABU)



Gempa Bumi Kuat Di New Ireland Region

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda New Ireland Region pada jam 11.11 pagi Rabu.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gempa itu berpusat di 96 kilometer dari timur laut Kokopo, Papua New Guinea dan 3,916 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Gempa tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA